KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP




24 JAM

# BERITA KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

***Untuk makluman:***

- *YB Menteri*
- *YB Timbalan Menteri*
- *YBhg. KSU*
- *YBhg. TKSU (PPDN)*
- *YBhg. TKSU (PP)*
- *Setiausaha Akhbar*

***Tarikh:*** **22 Julai 2026**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Daily Express
INDEPENDENT NATIONAL NEWSPAPER OF EAST MALAYSIA
Established since 1963

HARI: RABU
TARIKH: 22/7/2026
M/SURAT: 11




Armizan (seventh from right) posing with award recipients at the event.

# KPDN targets better creative ownership for batik industry

Hayati Dzulkifli

KUALA LUMPUR: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN), through the Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO), has launched the IP Accelerator (IPX) – Evolusi Batik: "Preserving Tradition, Empowering Value" programme to strengthen intellectual property (IP) management among young batik entrepreneurs.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the initiative aims to help batik entrepreneurs leverage intellectual property as a strategic business asset to enhance product value, strengthen branding and expand into domestic and international markets.

He said the programme brought together more than 500 participants, comprising batik entrepreneurs, artisans, fashion designers, higher education students and representatives from government agencies.

"As part of this programme, 100 young batik entrepreneurs have been selected to participate in the Intellectual Property Management Clinic through a strategic collaboration between MyIPO and the World Intellectual Property Organization (WIPO).

"The clinic brings together local and international experts to provide guidance on intellectual property protection strategies, portfolio development, branding and licensing models to enhance the commercial value of local batik designs," he said when launching the programme here, Tuesday.

Armizan said the initiative reflects the government's commitment to strengthening the creative economy sector, which continues to record positive growth.

Citing the Cultural and Creative Satellite Account 2024 published by the Department of Statistics Malaysia (DOSM), he said the creative economy contributed 6.8 per cent to the country's Gross Domestic Product (GDP), equivalent to approximately RM130 billion.

In line with the aspirations of the MyIPO NextGen Strategic Plan, he said the IPX programme places emphasis on intellectual property protection, portfolio development, branding and commercialisation of local creative products to enhance industry competitiveness.

"Effective intellectual property management not only protects creations from misuse but also serves as an important instrument in increasing product value, strengthening brand identity and expanding market access.

"At the same time, batik entrepreneurs must be prepared to embrace digital technologies, including artificial intelligence (AI), as a complement to product development and marketing processes without compromising the identity and authenticity of Malaysian batik as a national heritage," he said.

Armizan said KPDN, through MyIPO, would continue strengthening the nation's intellectual property ecosystem through capacity-building programmes, advisory services and awareness campaigns to encourage more local entrepreneurs to utilise IP as a business development strategy.

He said the effort is aligned with the aspirations of the 13th Malaysia Plan (13MP), which identifies innovation and the commercialisation of intellectual property as among the country's new economic growth drivers.

"This initiative will further strengthen a more competitive creative economy ecosystem, produce more innovation-driven entrepreneurs and ensure that Malaysian batik heritage continues to be preserved, empowered and able to penetrate global markets," he said.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro

HARI: RABU

TARIKH: 22/7/2026

M/SURAT: 16

# KPDN kaji pelaksanaan konsep 'Right to Repair'

**Kuala Lumpur:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang mengkaji pelaksanaan konsep '*Right to Repair*' (hak untuk membaiki) bagi membolehkan pemilik kenderaan mendapatkan maklumat teknikal daripada pengeluar untuk tujuan penyelenggaraan dan pembaikan di bengkel pilihan mereka.

***Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Datuk Dr Fuziah Salleh*** berkata, ketika ini pengguna bebas memilih bengkel selepas tempoh waranti tamat.

"Namun, bengkel berkenaan berdepan kekangan kerana tidak mempunyai akses kepada maklumat teknikal yang dimiliki pengeluar kenderaan.

"Kalau dalam tempoh waranti, pengguna digalakkan menggunakan bengkel pengeluar kerana jika tidak, waranti akan terbatal.

"Selepas tempoh waranti, pengguna memang ada pilihan untuk menggunakan bengkel lain.

"Jika mereka tidak berpuas hati dengan perkhidmatan diterima, mereka boleh membuat tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM). Itu antara perlindungan disediakan kepada pengguna.

"Namun, persoalannya ialah sama ada bengkel yang dipilih pengguna mempunyai akses kepada maklumat teknikal yang disediakan pengeluar.

"Pada masa ini, negara kita belum mempunyai punca kuasa untuk mendapatkan akses kepada maklumat itu, namun perkara ini sedang dipertimbangkan dalam konteks hak pengguna," katanya ketika menjawab soalan ***Senator Tan Sri Low Kian Chuan*** pada sesi soal jawab lisan di Dewan Negara, di sini, semalam.

Fuziah berkata, kementerian berpandangan sudah tiba masanya satu kajian menyeluruh dijalankan bagi meneliti keperluan mewujudkan kerangka perundangan berkaitan *Right to Repair* termasuk kemungkinan memperkenalkan peraturan mengikut Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Menurutnya, pelaksanaan konsep itu perlu mengimbangi hak pengguna untuk mendapatkan maklumat teknikal dengan hak harta intelek dimiliki pengeluar kenderaan.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR

## UMUM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kosmo! SUARA KONTEMPORARI

HARI: RABU
TARIKH: 22/7/2026
M/SURAT: 32

# Industri pembinaan berdepan kenaikan kos diesel

**PETALING JAYA** – Konflik berterusan di Asia Barat berpotensi meningkatkan kos diesel sebanyak RM1.1 bilion kepada industri pembinaan di Malaysia sekiranya harga bahan api kekal pada paras semasa.

Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Juwai IQI, Kashif Ansari berkata, peningkatan kos tersebut menjadi cabaran yang signifikan tetapi ia mampu ditangani oleh kerajaan dan industri tanpa menjejaskan pembangunan sektor pembinaan secara keseluruhan.

"Jika harga diesel kekal pada purata semasa sehingga penghujung tahun, industri pembinaan dijangka menanggung kos tambahan sekitar RM1.1 bilion. Secara purata, ia bersamaan kira-kira RM2,000 bagi setiap rumah baharu yang dibina," katanya dalam satu analisis semalam.

Jelas beliau, sebelum konflik tercetus, harga diesel berada pada RM3.04 seliter pada minggu berakhir 26 Februari 2026 dan sepanjang 20 minggu sejak konflik bermula, harga diesel mencatat purata RM4.80 seliter.




**SEKTOR pembinaan dijangkakan menggunakan kira-kira 1.4 bilion liter diesel setahun.** – GAMBAR HIASAN

Pembinaan dianggarkan menggunakan kira-kira 1.4 bilion liter diesel setahun, dengan sekitar 740 juta liter dibeli pada harga pasaran tanpa subsidi kerana digunakan oleh jentera berat seperti jengkaut, kren, pelantar cerucuk dan penjana elektrik yang tidak layak menerima subsidi.

Kashif menyarankan, skim Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) diperluaskan kepada kenderaan penting dalam sektor pembinaan seperti lori konkrit siap bancuh, lori pengadun konkrit dan kren.



**KASHIF**

"Selain itu, kuota subsidi diesel boleh ditingkatkan untuk kontraktor yang beroperasi di kawasan luar bandar dan pedalaman memandangkan mereka perlu menempuh jarak perjalanan lebih jauh serta menggunakan lebih banyak bahan api," katanya.

Dalam masa sama, beliau menganggarkan sektor pembinaan kediaman hanya mewakili kira-kira RM200 juta daripada keseluruhan peningkatan kos diesel RM1.1 bilion kerana ia kurang menggunakan jentera berat berbanding projek jalan raya dan utiliti.

"Berdasarkan kira-kira 100,000 unit rumah baharu yang dimulakan setiap tahun, tambahan kos diesel sekitar RM200 juta itu bersamaan kira-kira RM2,000 bagi setiap rumah.

"Meskipun kesannya secara purata adalah kecil, ia tetap memberi tekanan kepada pemaju perumahan mampu milik yang beroperasi dengan margin keuntungan lebih rendah," katanya.

Untuk itu, Kashif menggesa syarikat pembinaan meningkatkan kecekapan operasi dengan memastikan semua kenderaan yang layak didaftarkan di bawah skim subsidi diesel, memasukkan klausa pelarasan harga bahan api dalam kontrak.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE

## KPDN

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 22 JULAI 2026 | | | |
|---|---|---|---|
| **TARIKH** | **TAJUK** | **PAUTAN** | **MEDIA** |
| 22-Jul | KPDN kaji 'Right to Repair', luaskan pilihan pengguna selenggara kenderaan | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2026/07/1387382/kpdn-kaji-right-repair-luaskan-pilihan-pengguna-selenggara-kenderaan | HARIAN METRO |
| 22-Jul | KPDN teliti undang-undang beri hak pengguna akses maklumat teknikal | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2026/07/1591336/kpdn-teliti-undang-undang-beri-hak-pengguna-akses-maklumat-teknikal? | BERITA HARIAN |
| 22-Jul | Sindiket seleweng diesel akan sentiasa cuba ubah modus operandi - KPDN | https://www.sinarharian.com.my/article/788650/edisi/selangor-kl/sindiket-seleweng-diesel-akan-sentiasa-cuba-ubah-modus-operandi---kpdn | SINAR HARIAN |
| 22-Jul | KPDN teliti undang-undang beri hak pengguna akses maklumat teknikal kender-aan | https://www.kosmo.com.my/2026/07/21/kpdn-teliti-undang-undang-beri-hak-pengguna-akses-maklumat-teknikal- | KOSMO |
| 22-Jul | IPX perkasa batik, lonjak nilai harta intelek | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/ipx-perkasa-batik-lonjak-nilai-harta-intelek/ | RTM |
| 22-Jul | Program IPX MyIPO Usaha-wan Batik Muda Perkukuh Pengurusan Harta Intelek | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2583969 | BERNAMA |
| 22-Jul | MyIPO bantu pengusaha batik muda tembusi pasaran global | https://www.kosmo.com.my/2026/07/21/myipo-bantu-pengusaha-batik-muda-tembusi-pasaran-global/ | KOSMO |
| 22-Jul | MyIPO perkasa pengurusan harta intelek, tingkat nilai komersial industri batik tem-patan | https://malaysiamadani.gov.my/2026/07/myipo-perkasa-pengurusan-harta-intelek-tingkat-nilai-komersial- | MALAYSIA MADANI |

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| 22-Jul | Scheme expanded to cover more small businesses | https://www.dailyexpress.com.my/news/285149/scheme-expanded-to-cover-more-small- | DAILY EXPRESS |
| 22-Jul | Kerajaan semak mekanisme subsidi diesel di Sabah, Sarawak dan Labuan | https://utusanmelayuplus.com/kerajaan-semak-mekanisme-subsidi-diesel-di-sabah-sarawak-dan-labuan/ | UTUSAN MELAYU |
| 22-Jul | Govt reviewing diesel subsidy mechanism in Sabah, Sarawak and Labuan | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2026/07/21/govt-reviewing-diesel-subsidy-mechanism-in-sabah-sarawak-and-labuan | FMT |
| 22-Jul | Federal govt reviewing diesel subsidy mechanism in East Malaysia | https://dayakdaily.com/fed-govt-reviewing-diesel-subsidy-mechanism-in-east-malaysia/#google_vignette | DAYAK DAILY |
| 22-Jul | Right-to-repair framework being studied for vehicle owners to access technical info – KPDN deputy minister | https://paultan.org/2026/07/21/right-to-repair-framework-being-studied-for-vehicle-owners-to-access-technical-info-kpdn-deputy-minister/ | PAULTAN |
| 22-Jul | KPDN weighs right to repair for vehicle owners | https://thesun.my/news/malaysia-news/kpdn-weighs-right-to-repair-for-vehicle-owners/ | THE SUN |